

30 OCT 2002

Mahathir-PBS

KEMASUKAN PBS KE DALAM BN PERKUKUH KERAJAAN SABAH

KOTA KINABALU, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN) awal tahun ini telah menjadikan kerajaan negeri Sabah semakin kukuh dan rakyatnya bersatu padu.

Dalam perutusan sempena Kongres PBS ke-17 pada Ahad dan Isnin ini, Perdana Menteri berkata dengan rancangan pembangunan di Sabah turut berjalan lancar dan pesat, rakyat Sabah tanpa mengira kaum dan agama dapat menikmati faedah daripada usaha pembangunan kerajaan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, menyatakan rasa gembira kerana PBS benar-benar mengamalkan falsafah dan prinsip BN sejak menyertai semula itu.

Ia terbukti apabila BN telah memenangi pilihan raya kecil kawasan parlimen Gaya baru-baru ini dengan keputusan yang cemerlang, katanya.

Beliau berharap PBS akan terus memainkan peranan yang positif ke arah menyatupadukan rakyat serta membangunkan Sabah.

Dr Mahathir meminta PBS terus bekerjasama dengan semua komponen BN agar gabungan itu bertambah kukuh sesuai dengan kedudukan Sabah sebagai kubu kuat BN.

Sementara itu, ketua penerangan PBS Henrynus Amin berkata kongres berkenaan akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Majlis perasmian akan diadakan di Hongkod Koisaan, Penampang pada pukul 3 petang Ahad.

Pergerakan Pemuda dan Wanita PBS akan mengadakan mesyuarat masing-masing di Perpustakaan Penampang dan Hotel Palace Hotel pada pagi Ahad.

Henrynus berkata beberapa resolusi akan dibentangkan pada kongres itu termasuk menyokong desakan kerajaan pusat supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengeluarkan BN daripada senarai yang didakwa sebagai rangkaian Al Qaeda.

Satu lagi resolusi yang dijangka akan diluluskan ialah menyokong cadangan kerajaan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar subjek Sains dan Matematik mula tahun depan.

-- BERNAMA

JS MOZ